

23/10/2000

Menjana perubahan dalam persatuan belia

Asyraf Wajdi Dusuki

POLEMIK perebutan jawatan Presiden Persatuan Kelab-kelab Belia Malaysia (MAYC) antara bekas Menteri Besar Kedah, Tan Sri Sanusi Junid, 57, dan Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, 56, masih belum mempunyai kata pemutus.

Syed Hamid sudah diisytiharkan menang tanpa bertanding. Tapi, masih timbul tanda tanya berikutan tindakan Sanusi 'memecat' Setiausaha MAYC, Sheikh Badar Sheikh Embong. Sanusi yang masih menjawat jawatan Presiden MAYC, dikatakan tidak mengisytiharkan status pencalonan yang ditutup 30 September lalu.

Apa yang menarik ialah reaksi Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad apabila ditanya mengenai persaingan kedua-dua tokoh itu.

Saranan Perdana Menteri yang mengungkapkan 'belia untuk pemimpin belia' cukup sinis dan mempunyai seribu satu makna tersirat. Beliau turut menyarankan dengan jelas supaya pemimpin belia sepatutnya berumur bawah 40 tahun.

Jika dihayati secara rasional dan objektif, pandangan dan saranan Perdana Menteri itu, pastinya lahir daripada perasaan ikhlas yang mahukan perubahan dalam kerangka pertubuhan belia di Malaysia hari ini. Apa yang berlaku hari ini, rata-rata pertubuhan belia diterajui oleh mereka yang melewati umur belia, malah ada yang mencecah umur pencen, namun masih menjadi peneraju pertubuhan belia.

Perebutan jawatan tertinggi pertubuhan belia menjadi satu perkara lumrah. Apa yang lebih ironi ialah mereka yang berebut kedudukan penting pertubuhan belia rata-rata melewati usia belia, malah kebanyakannya ahli politik berjawatan dalam pertubuhan parti politik.

Persoalannya mengapakah fenomena perebutan jawatan dalam pertubuhan belia boleh berlaku? Mahalkah harga jawatan pertubuhan belia sehingga seringkali menjadi rebutan banyak pihak?

Apakah pertubuhan belia hari ini sudah melupakan tanggungjawab sebenar dalam membangunkan generasi muda negara? Atau apakah pertubuhan belia juga sudah menjadi seperti pertubuhan parti politik dalam kerangka kerjanya atau hala tuju besarnya?

Hakikat yang perlu disedari, pergolakan dan perebutan jawatan di kalangan golongan yang berumur inilah yang sering kali menyebabkan golongan muda yang rata-rata berumur sekitar 15 tahun hingga 30 tahun berasa terpinggir atau meminggirkan diri daripada pertubuhan belia.

Rasa cemuah dan marah terhadap suasana yang ada, menyebabkan mereka lebih cenderung untuk bersendirian atau melakukan kegiatan di luar kerangka pertubuhan formal, yang penuh dengan ikatan birokrasi, unsur politik dan berkepentingan.

Golongan belia sering melihat diri mereka sebagai mangsa bagi memenuhi kepentingan pihak tertentu.

Lebih malang lagi apabila wujud proses pembudayaan nilai kebendaan secara sedar atau tidak, dalam program pertubuhan belia hari ini. Setiap program cuba menambat hati dan minat golongan muda dengan persembahan artis terkenal. Mereka kadangkala dibekalkan dengan baju rasmi bertopi serta wang sagu hati penyertaan. Budaya kerja sukarela dan berbakti kepada masyarakat dan negara semakin lama semakin terhakis di kalangan belia kini.

Kedadaan lebih buruk apabila ramai remaja dan golongan belia muda yang mula menjauhkan diri daripada kegiatan belia. Mereka akhirnya lebih

cenderung kepada kegiatan yang kerap menjerumuskan mereka kepada pelbagai gejala sosial. Ini adalah rentetan daripada kekosongan jiwa yang tidak terisi dengan program yang mampu menjana budaya hidup murni, keperibadian terpuji dan minda pemikiran positif.

Antara faktor yang sukar ditolak dalam mengatasi permasalahan kebekuan pemikiran pertubuhan belia hari ini mungkin kerana wujudnya jurang umur yang agak melebar antara pimpinan belia dengan belia itu sendiri.

Jika diperhatikan secara kasar, rata-rata pertubuhan belia hari ini diterajui mereka yang melewati usia remaja hingga menjangkau umur 40-an dan 50-an. Malah, ada pemimpin pertubuhan belia berumur pencen tetapi seperti tiada tanda-tanda mahu melepaskan jawatan tertinggi pertubuhan itu.

Sesungguhnya usia turut memberi kesan dalam percaturan dan gerak kerja sesuatu pertubuhan. Apatah lagi pertubuhan itu mewakili citra nurani golongan muda yang penuh dengan cita-cita tinggi, darah gemuruh, jiwa bergelodak serta idealisme luas.

Islam turut memperakui tahap kemampuan dan kebolehan manusia dalam setiap peringkat usianya dalam kehidupan. Setiap manusia mempunyai kebolehan dan kemampuan sesuai dengan tugas tertentu seiring dengan tahap umur mereka. Tugas pada masa usia kanak-kanak berbeza daripada tugas waktu usia muda pemuda dan seterusnya dalam waktu usia dewasa dan hari tua.

Ini sejajar dengan firman Allah dalam surah an-Nahl ayat 70: "Allah menciptakan kamu, kemudian mewafatkan kamu, dan di antara kamu ada yang dikembalikan kepada umur yang paling lemah (lanjut), supaya dia tidak mengetahui lagi sesuatu pun yang pernah diketahuinya."

Namun, tidak bermakna apabila pertubuhan belia diterajui golongan muda, maka mereka perlu menyisihkan terus golongan tua, yang kaya dengan pengalaman dan pengajaran. Tenaga muda dan tua perlu digembleng dan disepadukan ke arah pembangunan generasi muda negara yang hebat. Ini sejajar dengan saranan tokoh ulama Islam, Prof Dr Yusuf al-Qardawi yang berkata: "Kebijaksanaan orang tua dan semangat orang muda dalam menggembleng tenaga membangunkan negara."

Sememangnya kegusaran terhadap kebolehan dan keupayaan golongan muda untuk menerajui pertubuhan belia, pasti wujud dalam pemikiran masyarakat.

Bagaimanapun, peluang perlu diberikan kepada golongan muda untuk mengasah bakat dan menggilap potensi kepemimpinan. Ini kerana mereka juga yang bakal mewarisi kepemimpinan negara masa depan.

Mana mungkin pengalaman mampu dikecap jika peluang tidak pernah dibuka untuk mereka menyumbang.

Sejarah Islam turut membuktikan dan memperakui kebolehan dan kemampuan generasi muda dalam melaksanakan tanggungjawab besar membangunkan umat, malah melakukan perubahan ke atas masyarakat Arab. Kedatangan Islam pada awalnya di kota Makkah terlebih dulu disambut oleh golongan muda yang sanggup berkorban untuk memperjuangkan agama Allah dengan penuh iltizam dan semangat berkobar-kobar.

Abu Bakar, sahabat Nabi yang tertua berumur 40 tahun manakala yang paling muda Ali bin Abi Talib yang masih dalam lingkungan umur 10 tahun. Sahabat lain seperti anak angkat Rasulullah, Zaid bin Harisah, Zubair bin Awwam, Saad bin Abi Waqqas, Talhah bin Ubaidullah dan Abu Ubaidah Al-Jarrah, rata-rata remaja dan masih muda dari segi usia, namun bersemangat waja dalam mendukung perjuangan besar Islam.

Ini diperakui sendiri oleh Nabi Muhammad yang bangga dengan semangat generasi muda yang begitu bersungguh-sungguh bersama baginda memperjuangkan risalah tauhid itu melalui sabdanya: "Sesungguhnya Allah mengurniakan kepadaku perkhabaran gembira dan berupa peringatan. Di kala aku ditentang hebat oleh golongan tua, aku didukung oleh golongan muda."

Justeru, sudah tiba masanya untuk pertubuhan belia melakukan anjakan

paradigma yang tulus dalam kerangka organisasinya. Proses pemudaan pertubuhan belia perlu dilakukan segera bagi mendepani permasalahan belia dan generasi muda yang semakin meminggirkan diri daripada kegiatan kesukarelaan dan bermanfaat untuk pembangunan generasi muda negara. Berpolemik dalam isu bersifat cabang dan remeh perlu dihentikan segera.

Malah, perebutan jawatan dalam pertubuhan yang sifatnya untuk berbakti kepada masyarakat dan pembangunan umat sejagat perlu dihentikan segera. Konflik dalaman berterusan hanya menyebabkan gerak kerja terencat dan tidak mampu memberi kesan positif dalam masyarakat.

Kepemimpinan belia perlu lebih dinamik dan tidak disalah anggap sebagai lesen besar untuk memenuhi nafsu dan kepentingan tertentu, yang akhirnya boleh menyasarkan pertubuhan belia daripada matlamat asal dan hala tuju besar perjuangan.

Kepemimpinan adalah satu amanah yang dipertanggungjawabkan bukan saja kepada masyarakat, malah lebih besar kepada Allah pada akhirat kelak.

Inilah yang pernah disabdakan oleh Nabi Muhammad kepada Abu Dzar Al-Ghiffari mengenai masalah imarah atau kepemimpinan, iaitu: "Sesungguhnya ia (kepemimpinan) adalah amanah dan pada hari kiamat kelak, ia menjadi suatu kehinaan dan penyesalan, kecuali bagi yang mengambilnya sesuai dengan haknya dan melakukan apa yang menjadi tuntutanannya." (Riwayat Muslim)

Sikap prejudis dan prasangka yang masih menebal dalam diri perlu dikikis bagi membuka ruang dan peluang untuk generasi muda menerajui kepemimpinan pertubuhan belia.

Segala kelemahan dan permasalahan yang mungkin timbul perlu atasi secara positif serta penuh kebijaksanaan dalam membangunkan generasi muda yang dinamik dan progresif.